

Tiga kali kena banjir kilat dalam setahun

GOMBAK - "Saya tak buat aduan sebab ingatkan masalah saluran dari kawasan rumah sendiri, tapi bila dah bersih dan masih banjir, baru saya maklumkan kepada ketua kampung," demikian reaksi seorang penduduk di Lot 1683 dan Lot 413, Kampung Changkat, Iwan Syahril Ali Amzah, 34, salah seorang mangsa yang terjejas akibat banjir kilat bersama kira-kira sepuluh keluarga di sini.

Iwan yang bekerja di sebuah syarikat swasta di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) bergegas pulang ke rumahnya sejurus dimaklumkan keluarga hujan lebat menyebabkan air mulai

naik hingga ke paras lutut sekitar jam 10.30 pagi.

Katanya, sebelum ini insiden banjir kilat memang berlaku di kawasan tersebut, namun sangat jarang.

Bagaimanapun katanya, dua tahun kebelakangan ini masalah tersebut menjadi serius.

"Tahun lepas banjir kilat dah kena empat kali, tahun ni pula hari ini (semalam) sudah kali ketiga kawasan rumah naik air. Tak naklah nanti banjir kilat ni jadi acara tahunan pula. Sakit juga nak mengemas dan bahu juga pada budak-budak.

"Bila hujan lebih satu jam mesti air akan naik. Oktober



IWAN SYAHRIL

lepas paling buruk sampai hanyutkan kereta. Itu sebab bila keluarga bagi tahu air mula naik, saya akan balik sebab risau kerana rumah hanya ada isteri dan mak saja, adik lelaki

tak tinggal bersama," katanya.

Katanya, kali terakhir longkang di hadapan rumah dinaik taraf adalah pada tahun 90-an.

Seorang lagi penduduk, Naizatul Ima Abdullah, 35, berkata, akibat kekerapan banjir kilat di kawasan tersebut, dia terpaksa mengosongkan rumah di bahagian belakang dan berpindah kerana keadaan yang usang serta membahayakan.

"Benda pertama kalau hujan lebat kami akan alihkan kereta dulu kemudian alihkan perkakasan rumah yang diletak di lantai untuk elak rosak. Tikar kami gulung, pera-

bot kami tinggikan kemudian kami reda sajalah.

"Bahaya sebenarnya banjir kilat sebab bukan hanya sampah yang hanyut tapi kadang kala dengan haiwan berbisa. Budak-budak memanglah suka dapat main air tapi kami ibu bapa ni kena lebih waspada takut ada yang lemas," katanya.

Katanya, hujan mula sekitar jam 9 pagi sebelum air mulai naik sekitar jam 10.30 pagi dan surut setengah jam kemudian.

Sementara itu, Pengerusi JKKK Kampung Changkat, Zainal Abidin Abu Bakar berkata, pihaknya baru mak-

lum tentang perkara itu selepas menerima aduan dan akan membawa perkara tersebut untuk perhatian wakil rakyat dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

"Kita akan lihat sebab yang bawa kepada banjir kilat dan cari penyelesaiannya. Maklumat awal sebab masalah longkang kecil dan akan tengok juga faktor-faktor lainnya.

"Cadangan penduduk supaya dibina laluan air juga akan dipanjangkan sebabkan sistem sedia ada sudah lama yang pastinya perlu diganti untuk tampung air bila hujan lebat," katanya.